

Sekat lucah di Internet

UM - 24/5/2005: 1 x 4

MELAKA 23 Mei — Tun Dr. Mahathir Mohamad mencadangkan, perisian khas komputer digunakan untuk menyekat orang ramai daripada mengakses kepada bahan lucah di Internet ke arah membendung keruntuhan moral di kalangan generasi muda khususnya.

Pada masa ini, kata bekas Perdana Menteri itu lagi, sesiapa sahaja mudah untuk akses kepada bahan lucah di Internet walaupun mereka tidak begitu mahir dalam menggunakan komputer.

Sehubungan itu, kata Dr. Mahathir, pendekatan itu wajar dilakukan mengambil kira kejadian jenayah seperti rogol dan bunuh yang semakin meningkat sekarang.

Lebih malang lagi, katanya, ia ada hubung kait dengan kebebasan yang diperoleh untuk melihat bahan-bahan lucah di Internet.

Oleh itu, beliau berpendapat, kerajaan dan ibu bapa perlu memasang perisian itu di pejabat dan rumah.

Bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan tama pada Persidangan Antarabangsa Mengenai Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi 2005 di sini hari ini, Dr. Mahathir menarik perhatian:

“Sebenarnya sudah ada perisian yang boleh menyekat semua ini. Terpulang kepada kita hendak guna atau tidak perisian itu kerana sudah tentu ia perlukan bayaran.

“Perisian itu ada, tapi banyak orang tak mahu keluar belanja untuk guna. Malaysia sepatutnya guna (perisian) untuk sekat benda semacam ini.”

Persidangan selama tiga hari bermula hari ini anjuran Fakulti Pengurusan dan Undang-Undang Universiti Multimedia (MMU) itu dirasmikan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam.

Generasi muda menurut Dr. Mahathir, mudah hilang kawalan apabila melihat bahan lucah, menyebabkan mereka terdorong untuk melakukan jenayah rogol sehingga dalam sesetengah kes kanak-kanak juga menjadi mangsa.

Katanya, beliau secara peribadi merasa-

Sekat lucah di Internet

kan bahan lucah tidak sepatutnya dibenarkan dimasukkan ke dalam Internet.

“Malah saya pernah mencadangkan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) agar memberitahu dunia supaya menghalang memasukan bahan itu di Internet,” tambahnya.

Begitupun, katanya, ada pihak yang tidak begitu bersetuju dengan pandangannya itu kerana menyifatkan

tindakan sedemikian menghalang kebebasan orang ramai.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, selain usaha menyekat bahan lucah melalui perisian, tindakan juga perlu diambil untuk menghalang pengedaran video cakera padat (VCD) haram dan lucah di pasaran.

Mengenai kemudahan prasarana teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di negeri-negeri, kata Dr.

Mahathir, kebanyakan prasarana ICT diurus oleh syarikat-syarikat swasta yang beroperasi di seluruh negara dan semua negeri mendapat kemudahan yang sama.

Begitupun tambah beliau, kawasan yang mendapat taraf koridor raya multimedia (MSC) mempunyai prasarana dan kemudahan yang lebih baik berbanding kawasan-kawasan lain.